

## KESAN PRINSIP KETERIKATAN *MADHHAB* DALAM PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA

### ***THE EFFECT OF THE PRINCIPLE OF BINDINGNESS OF MADHHAB IN THE IMPLEMENTATION OF ISLAMIC LAW IN MALAYSIA***

**Mohd Zakhiri Md Nor<sup>1</sup>**

Pusat Pengajian Undang-Undang, Kolej Undang-Undang,  
Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa,  
Universiti Utara Malaysia  
(Email: zakhiri@uum.edu.my)

**Hairuddin Megat Latif<sup>2</sup>**

Pusat Pengajian Undang-Undang, Kolej Undang-Undang,  
Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa,  
Universiti Utara Malaysia  
(Email: hairuddin@uum.edu.my)

**Mohammad Azam Hussain<sup>3</sup>**

Pusat Pengajian Undang-Undang, Kolej Undang-Undang,  
Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa,  
Universiti Utara Malaysia  
(Email: hmazam@uum.edu.my)

**Md Rejab Md Desa<sup>4</sup>**

Pusat Pengajian Undang-Undang, Kolej Undang-Undang,  
Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa,  
Universiti Utara Malaysia  
(Email: rejab@uum.edu.my)

**Al Hanisham Mohd Khalid<sup>5</sup>**

Pusat Pengajian Undang-Undang, Kolej Undang-Undang,  
Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa,  
Universiti Utara Malaysia  
(Email: alhanisham@uum.edu.my)

**Muhammad Azri Mohd Akhir<sup>6</sup>**

Pembantu Penyelidik Siswazah,  
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi,  
Universiti Utara Malaysia  
(Email: irza5892@yahoo.com)

**Accepted date:** 20-05-2019

**Published date:** 11-07-2019

**To cite this document:** Md.Nor, M. Z., Megat Latif, H. H., Hussain, M. A., Md Desa, M. R., Mohd Khalid, A. H., & Mohd Akhir, M. A. (2019). Kesan Prinsip Keterikatan *Madhhab* Dalam Undang-Undang Islam di Malaysia. *International Journal of Law, Government, and Communication*, 4(15), 183-193.

**DOI:** 10.35631/ijlgc.4150019

**Abstrak:** Isu perbezaan pandangan dalam kalangan ulama dari pelbagai madhhab mengenai sesuatu permasalahan feqah yang tiada kesepakatan menimbulkan kekeliruan teutamanya

kepada golongan masyarakat awam. Ianya mampu dikawal melalui keluhuran undang-undang dan perlembagaan yang dipelihara hingga kini. Kajian ini bertujuan merungkai sejauhmana keterikatan kepada mazhab dalam perlaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Penyelidik memfokuskan kepada satu objektif iaitu:(1)mengkaji kesan keterikatan madhhab dalam perlaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Penyelidik telah manjalankan penyelidikan berbentuk kualitatif yang disokong oleh temubual yang dijalankan ke atas responden yang mempunyai autoriti dalam perundangan serta mengalisa data-data berkaitan. Dapatkan kajian menemukan bahwa tiada sebarang pernyataan yang jelas mengenai kedudukan keterikatan madhhab dalam Perlembagaan Persekutuan. Tetapi, wujud pernyataan yang jelas mengenai kedudukan keterikatan madhhab dalam undang-undang yang berkuatkuasa di negeri-negeri di Malaysia. Kesan-kesan keterikatan pula dilihat berbeza ke atas mufti, hakim dan juga orang awam. Mufti dan orang awam tertakluk kepada peruntukan undang-undang di peringkat negeri. Manakala hakim hanya cenderung merujuk pandangan madhhab muktabar terutamanya madhhab Syafie tetapi tidak terikat dengan undang-undang dalam melaksanakan tugas mereka. Penerimaan pandangan daripada madhhab muktabar yang lain ataupun di luar dari lingkungan empat madhhab muktabar adalah berkepentingan untuk menjaga kemaslahatan awam dalam realiti semasa.

### **Kata Kunci:** Kesan Keterikatan, Madhhab, Undang-Undang Islam

*Abstract: The issue of the differences of opinions among Islamic jurists from difference madhhab on certain issues which does not unanimously agreed among the jurist which create doubtful among the general public. It is only can be controlled by rule of law and the sanctity of Federal Constitution until today. The purpose of this research is to examine to what extend the bindingness of madhhab in implementing Islamic laws in Malaysia. The researcher focused on one objective that is:(1) to examine the impact of bindingness of madhhab in implementing Islamic laws in Malaysia. This research is a qualitative research and interviewed with respondents who has authority in legal and content analysis of datas. This research found that there was no clear statement on the bindingness of madhhab in the Constitution. But, there was express statement on the position of bindingness of madhhab in enforceable law in the states of Malaysia. The effect and impact of bindingness of madhhab varies on mufti, judge and general public. The judge relied on the opinion credible madhhab especially the opinion of madhhab Syafie and he did not bound by the law in discharging his duties. The acceptance of other opinions of credible madhhab or outside the perview of four credible madhhab are to safeguard the benefit of general public and present realities*

### **Keyword:** Impact Of Bindingness, Madhhab and Islamic Laws

---

### **Pendahuluan**

Keterikatan kepada *madhhab* adalah merujuk kepada kewajipan seseorang yang beragama Islam untuk berpegang kepada salah satu *madhhab* sahaja yang diiktiraf dalam Islam iaitu mazhab Hanafi, Maliki, Syafii atau Hanbali (Arief Salleh Rosman, 2014).

Konflik berkaitan dengan keterikatan *madhhab* dalam agama Islam bukanlah sesuatu yang baharu. Ianya telah bermula di akhir abad ke-19 lagi antara pendokong aliran tradisional dan reformis yang lebih dikotomi dengan nama Kaum Tua dan Kaum Muda. Kaum Tua lebih cenderung kepada konsep *bermadhhab* (*mazhabiyah*) dan Kaum Muda (*Salafiyyah*) yang lebih cenderung kepada konsep penambahbaik dan pembaharuan (*islah wa tajdid*). Kaum Muda

cenderung untuk tidak terikat kepada mana-mana *madhab* dan bebas untuk memilih mana-mana pandangan daripada *madha-madhab* sedia ada berdasarkan kepada kaedah-kaedah tertentu. (Inarah Ahmad Farid & Saadan Man, 2012).

### **Sorotan Karya**

Menurut Arieff Salleh Rosman (2014), keterikatan kepada *madhab* yang lahir daripada pandangan yang mewajibkan terikat atau mengikut satu *madhab* membawa kepada berlakunya fanatik *madhab*. Kesannya boleh membawa kepada berlakunya pertembungan antara pengikut *madhab*, sehingga ada yang menyesatkan pengikut yang tidak sealiran dengannya kerana kejahanan masyarakat dalam memahami erti *madhab*. Puncanya bukanlah disebabkan kewujudan *madhab*, tetapi adalah kerana kejahanan masyarakat dalam memahami erti bermazhab.

Di Malaysia, amalan berpegang kepada pandangan *madhab* Syafii telah sekian lama bertunjang dalam masyarakat Islam semenjak bertapaknya Islam di Tanah Melayu. Hinggakan Syafii menjadi *madhab* ikutan umat Islam di Malaysia dan ditafsirkan sebagai rasmi di negara ini (Abdullah Ishak, 1992). Namun akhir-akhir ini, wujud gerakan aliran pembaharuan yang berusaha membebaskan masyarakat terhadap *madhab* Syafii yang menimbulkan suasana yang tidak selesa dalam masyarakat walaupun fahaman yang dibawa masih dalam kerangka Ahl al-Sunnah (Inarah Ahmad Farid & Saadan Man, 2012).

Agama Islam adalah merupakan agama rasmi di Malaysia (Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3). Manakala pentadbiran hal ehwal agama Islam adalah di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri (Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai II – Senarai Negeri).

Namun tinjauan umum mendapati tidak wujud peruntukan secara undang-undang yang menjelaskan berkaitan aspek keterikatan kepada mana-mana *madhab* untuk dipegang oleh umat Islam di Malaysia. Justeru kajian ini dijalankan bagi menjelaskan persoalan keterikatan *madhab* menurut Perlembagaan.

Keterikatan kepada *madhab* boleh di lihat pada Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada 5 Mei 1996 (Mohd Zakhiri, Hairuddin, 2018) telah membuat beberapa ketetapan yang berkaitan dengan keautortitian Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai mazhab yang diiktiraf. Ketetapan-ketetapan adalah seperti yang berikut:-

1. Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya menikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak.
2. Menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri bagi memperuntukkan dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan Negeri-Negeri hendaklah agama Islam berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlaq.
3. Memperuntukkan pindaan kepada semua Undang-Undang Negeri dan Hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif hukum syarak atas Undang-undang Islam seperti berikut: Hukum Syarak atau Undang-undang Islam ertiinya Undang-undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlaq.

4. Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan hukum syarak dan Undang-undang Islam dan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang.
5. Menetapkan bahawa semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada Undang-undang Islam hukuk syarak yang berdasarkan pegangan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah sahaja.
6. Menetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, video, dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah diharamkan.

Mohd Zakhiri, Hairuddin juga menyatakan penerimaan terhadap penetapan mazhab ini diperakukan juga oleh Institusi Mahkamah Sivil dalam kes-kes berikut:

**Saeda Binti Abu Bakar & Malek Bin Haji Mohamed Yusup v Haji Abdul Rahman Bin Haji Mohamed Yusup & Usman Bin Haji Mohamed Yusup**, Mahkamah Tinggi (Selangor) telah menolak hujah peguam pihak wasi wasiat yang menggunakan kes-kes India yang penghakimannya berasaskan mazhab Syiah. Mahkamah menyatakan bahawa kes ini boleh memberi kesan jika sekiranya pembuat wasiat dalam kes ini adalah seorang yang bermazhab Syiah, akan tetapi tidak ada kesannya kepada seorang yang bermazhab Syafie yang merupakan sebahagian daripada mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dalam kes **Saravanan Thangathoray v Subshini Rajasingam & Another Appeal [2007] 2 CLJ 451**, **Public Prosecutor v Wee Mee Industries Co. Sdn Bhd [1985] 1 LNS 83** dan **Shamala Sathyaseelan v Dr. Jeyaganesh C. Mogarajah [2004] 3 CLJ 516** menekankan bahawa perundangan Islam didefinisikan sebagai ‘undang-undang Islam mengikut mana-mana mazhab yang diiktiraf atau muktabar (Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali). Sebagaimana yang ditegaskan oleh mahkamah, kesemua mazhab ini telah menjadikan al-Quran dan al-Hadith sebagai sumber perundangan.

Selain itu, Perkara 11(5) Perlumbagaan Persekutuan, apa-apa agama, kepercayaan, ajaran dan iktikad yang boleh mengancam keselamatan awam, kesihatan dan moral tidak boleh diamalkan di Malaysia dan boleh dianggap sebagai satu kesalahan serta dikenakan tindakan perundangan. Ini dapat dilihat di dalam kes pengharaman kumpulan Al-Arqam yang difatwakan sebagai terkeluar daripada ajaran agama Islam dan mazhab Ahli Sunnah. Pengikut Al-Arqam telah ditahan dua kali di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada tahun 1994 dan 1996 kerana menjelaskan keselamatan awam. Jelasnya, keterikatan madhhab memberi impak kepada amalan orang awam, mufti dan hakim di mahkamah sivil mahupun Syariah.

### **Penyataan Masalah**

Umat Islam Malaysia sedang menghadapi terlalu banyak kemelut seperti pertentangan Sunnah-Syiah, faham liberalisme dan pluralism agama, G25, anti-Hadis di samping banyaknya ajaran sesat yang berkembang (Utusan Malaysia, 16 Feb. 2016). Sehingga berlakunya tuduhan daripada satu pihak terhadap pihak yang lain mengamalkan amalan agama yang bertentangan dengan amalan majoriti umat Islam di Malaysia. Umpamanya di Perlis sebagaimana menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim dalam ulasan beliau berkaitan dengan isu perdebatan antara Dr. Zamihan Mat Zin, Pengurus Pertubuhan Ahli Sunnah wal-Jamaah Malaysia (ASWAJA) dengan Sohibus Samahah Datuk Dr. Mohd Asri Zainul Abidin, Mufti Negeri Perlis, "Isu ini timbul sehingga rakyat Perlis sendiri terpalit dengan tuduhan Wahabi dan terrorisme sedangkan sebahagian besar di antara rakyat negeri ini tidak memahami fahaman itu." (Utusan Malaysia, 14 Feb. 2016). Hinggakan seramai 16 orang penceramah bebas

yang didakwa tidak sealiran dengan Ahli Sunnah wal Jamaah di larang berceramah atau mengajar agama Islam di negeri Johor berkuatkuasa 13 Disember 2015 sebagaimana yang telah dilaporkan di dalam Akbar tempatan. Dua daripadanya iaitu Mufti Perlis dan penceramah bebas, Dr. Fathul Bari Mat Jayaha. Larangan itu adalah selari dengan Undang-undang Tubuh Negeri Johor dan Enakmen sedia ada bagi tujuan menjaga kesucian agama Islam. (Utusan Malaysia, 3 Feb. 2016). Keadaan ini berpunca daripada wujudnya perbezaan pegangan dan tafsiran terhadap amalan *bermadhab*.

Sedangkan Islam mengiktiraf amalan perpegang dan beramal mengikut mana-mana mazhab yang diiktiraf dalam kategori Ahli Sunnah wal Jamaah iaitu *Madhab* Hanafi, Maliki, Syafi Syafii dan Hambali. ini berlaku lantaran daripada ketiadaan peruntukan yang jelas dalam undang-undang di Malaysia berkaitan dengan pegangan dan amalan *bermadhab*. Perlembagaan Persekutuan mempunyai peruntukan-peruntukan berkaitan dengan agama Islam sebagaimana yang terkandung di dalam Perkara 3(1), Perkara 3(2), Perkara 3(3), Perkara 3(5), Perkara 11(4), Perkara 12(2), Perkara 73, Perkara 74(2), Perkara 121(1A) dan Jadual Kesembilan (Senarai Negeri). Peruntukan-peruntukan ini secara nyata tidak menjelaskan berkaitan dengan aspek kerterikatan *madhab* kepada seseorang yang beragama Islam di Malaysia.

Peruntukan agama Islam sebagai rasmi dalam Perkara 3(1) hanya menimbulkan konflik perbincangan dalam menafsirkan maksud agama Islam sebagai agama rasmi yang akhirnya menjelaskan bahawa ianya khusus kepada aspek ritual dalam upacara-upacara rasmi sahaja. Persoalan timbul, apakah ungkapan “Agama Islam” itu merujuk kepada hukum Syarak? Persoalan lain ialah apakah mazhab yang akan digunakan pandangan dalam menjelaskan agama Islam? Perkara ini berbangkit lantaran di dalam Islam itu sendiri wujud perbezaan pandangan antara mazhab dalam masalah-masalah agama. Keadaan ini sudah pasti akan memberi kesan kepada institusi kehakiman terutamanya kepada para hakim dan peguam.

Sekiranya kes-kes yang dibicarakan di mahkamah sivil berkaitan agama Islam umpamanya kes-kes berkaitan dengan kewangan Islam, persoalan timbul apakah *madhab* yang perlu diikuti oleh hakim-hakim dalam memutuskan kes-kes berkaitan dengan undang-undang Islam?

Bagaimana sekiranya mahkamah memutuskan yang mereka tidak berpegang kepada mana-mana *madhab* melainkan mengikut al-Quran dan al-Sunnah? Demikian juga jika kes di rayu ke mahkamah yang lebih tinggi, bagaimana sekiranya hakim-hakim yang bersidang berpegang kepada *madhab* yang berbeza? Demikian juga bagaimana sekiranya seseorang atau sesetengah pihak mendakwa bahawa dia tidak berpegang kepada mana-mana *madhab*?

Umpamanya dalam kewangan Islam. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 hanya menjelaskan menggunakan frasa “hukum Syarak” (Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, seksyen 29) tetapi tidak dihuraikan dengan lebih lanjut.

Secara tidak langsung ini akan membawa kepada persoalan-persoalan yang dikemukakan di atas. Di peringkat negeri-negeri pula, penetapan agama rasmi adalah berdasarkan kepada Undang-undang Tubuh Negeri bagi negeri terbabit (Rujuk Jadual 2). Terdapat perbezaan istilah yang digunakan oleh negeri-negeri dalam merujuk kepada agama Islam. Majoriti negeri menggunakan istilah “Agama Islam” sebagai agama rasmi negeri. Namun bagi negeri Perlis, istilah “Ahli Sunnah Waljama’ah” digunakan. Manakala negeri Kedah pula menetapkan agama rasminya sebagai “Agama Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah”. Manakala Sarawak tidak

dinyatakan agama rasmi bagi negerinya. Keumuman peruntukan dan berlakunya perbezaan antara istilah-istilah yang digunakan membawa kepada persoalan, apakah *madhab* yang menjadi ikutan dalam masyarakat?

Bagaimana jika ada negeri yang tidak menetapkan untuk berpegang kepada mana-mana ajaran?

Demikian juga dengan undang-undang yang mentadbir agama Islam negeri-negeri. Berdasarkan kepada Jadual 3 dapat diperhatikan bahawa wujud ketidakseragaman antara negeri-negeri dalam menjelaskan maksud hukum Syarak. 6 buah negeri (Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor) menjelaskan "Hukum Syarak" ertinya Hukum Syarak mengikut *Madhab* Syafie atau mengikut mana-mana satu *Madhab* Hanafi, Maliki, atau Hambali. Manakala negeri Perlis menjelaskan, "Hukum Syarak" ertinya Hukum Syarak mengikut *Ahli Sunnah Wal Jama'ah*. Wilayah-wilayah Persekutuan pula, "Hukum Syarak" ertinya Undang-Undang Islam mengikut mana-mana *Madhab* yang diiktiraf. Bagi negeri Pahang, "Hukum Syarak" ertinya Undang-Undang Islam dalam mana-mana *Madhab* yang sah. Negeri Sabah pula menjelaskan, "Hukum Syarak" ertinya Undang-undang Islam mengikut mana-mana *Madhab* yang sah dengan mengutamakan *Madhab* Syafie. Sementara itu, negeri Terengganu, Kelantan dan Sarawak tidak mempunyai peruntukan dalam menjelaskan maksud hukum Syarak. Tinjauan kepada Enakmen-enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri ini memperlihatkan bahawa wujudnya ketidakseragaman antara negeri-negeri dalam menafsirkan maksud hukum Syarak. Demikian juga memperlihatkan tidak wujud peruntukan yang menetapkan bahawa umat Islam adalah terikat dengan mana-mana *madhab*. Namun sepantas lalu dapat diperhatikan bahawa mazhab Syafii diberikan keutamaan berbanding dengan *madhab-madhab* yang lain. Justeru kajian ini akan melihat sejauh manakah prinsip keterikatan *madhab* menurut perspektif Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang berkuatkuasa di Malaysia dalam pentadbiran agama Islam.

Selain daripada itu, tidak wujud mana-mana polisi atau garispanduan untuk dijadikan landasan kepada masyarakat dalam mempraktikkan amalan bermazhab di Malaysia. Justeru, aspek keterikatan *madhab* ini adalah merupakan suatu perkara yang asas yang perlu diberikan perhatian segera dan diselesaikan secara kaedah perundangan agar ianya tidak berlarutan dalam masyarakat.

### **Persoalan Kajian**

Apakah kesan prinsip keterikatan *madhab* dalam pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia?

### **Objektif Kajian**

Mengkaji kesan keterikatan *madhab* dalam undang-undang Islam di Malaysia.

### **Skop Kajian**

Penyelidik hanya mengkaji undang-undang melibatkan keterikatan *madhab* di Perlis, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja

### **Method Kajian**

Penyelidik menggunakan kaedah penyelidikan undang-undang yang disokong dengan kaedah temu bual.

## **Penemuan dan Dapatan Kajian**

### ***Tiada Peruntukan Yang Jelas Dalam Perlembagaan Persekutuan Berkaitan Keterikatan Mazhab***

Dalam membincangkan bidangkuasa negeri dalam pentadbiran undang-undang Islam, rujukan utamanya adalah berdasarkan kepada Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan yang dengan jelas memperuntukkan bahawa:

*“Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.”*

Perkara 74(2) menjelaskan bahawa setiap negeri adalah diberi kuasa untuk membuat undang-undang bagi mengatur hal ehwal orang Islam termasuk undang-undang Islam atau hukum Syarak. Kerajaan-kerajaan negeri melalui badan perundangan masing-masing berkuasa menggubal undang-undang Islam dan menubuhkan organisasi pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang berkenaan, seperti penubuhan Majlis-majlis Agama Islam dan Mahkamah-mahkamah Shariah (Farid Suffian Shuib, 2008). Dalam kes Mamat Bin Daud & 2 Lagi lawan Government of Malaysia [1998] 1 MLJ 119, Mahkamah telah memutuskan bahawa Parlimen tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang berkait dengan agama Islam dan peraturan-peraturan di bawahnya melainkan bagi Wilayah Persekutuan. Namun kuasa yang diberikan kepada negeri-negeri ini masih lagi tertakluk kepada Perkara 4(1) iaitu mestilah tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan juga mana-mana undang-undang Persekutuan yang lain. Kebenaran menggubal undang-undang Islam ini bukanlah suatu yang mutlak (Mahmud Saedon A. Othman, 1998). Juga tertakluk kepada Perkara 75 yang menjelaskan seandainya berlaku pertentangan antara undang-undang Negeri dan undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Negeri itu adalah terbatal setakat yang bertentangan (Abdul Aziz Bari & Farid Sufian Shuaib, 2007).

Ianya jelas tidak menyentuh mengenai perihal amalan bermazhab dalam Islam yang perlu diamalkan di dalam Persekutuan. Tiada sebarang pernyataan lanjut seperti Islam berdasarkan pandangan *madhhab* Syafie, Hanafi, Maliki, Hanbali atau mana-mana mazhab dinyatakan di dalam Perkara 3 (1) tersebut. Manakala Perkara 3(2), Perkara 3 (3) dan Perkara 3 (5) menjelaskan mengenai kedudukan Raja-Raja dan Yang di-Pertuan Agung sebagai Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri di Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan. Tanpa menyatakan dengan jelas mengenai *madhhab* yang perlu diamalkan oleh Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri dan wilayah-wilayah tersebut.

Perkara ini turut dipersetujui oleh majoriti responden tidak kira Hakim ataupun *Mufti*. Sebagai contoh, R1 bersetuju bahawa Perlembagaan Persekutuan tidak menyatakan secara spesifik akan persoalan pegangan *madhhab* bagi umat Islam. Dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3 hanya menyatakan Islam ialah Agama Persekutuan tanpa menetapkan apa-apa mazhab. Justeru, menurut beliau persoalan mengenai *madhhab* adalah persoalan yang diserahkan kepada bidang kuasa negeri khususnya sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri setelah diperkenankan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan.

R6 pula menyatakan walaupun Perlembagaan Persekutuan tidak menyebut apa-apa *madhhab* bagi Malaysia, namun terdapat beberapa peruntukan dan amalan perundangan yang menyentuh aspek amalan bermadhab bagi negeri-negeri di Malaysia. Berpandangan bahawa *madhhab*

yang menjadi rujukan di Malaysia adalah berpaksikan kepada *Ahli Sunnah Wa al-Jamaah*. Ianya terkandung di dalam Perlembagaan dan perundangan Islam negeri-negeri. Menurut beliau, Perlembagaan Persekutuan telah memberi kuasa kepada kerajaan negeri kecuali Wilayah Persekutuan bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal agama Islam. Disebabkan oleh kuasa agama adalah milik Kerajaan Negeri di dalam Malaysia, maka perundangan yang berkuasa adalah perundangan negeri-negeri seperti Enakmen-Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri.

Secara tuntasnya, Perlembagaan Persekutuan tidak ada menyebut secara spesifik mengenai amalan *bermadhab* yang perlu diamalkan di Malaysia. Namun, maklum balas daripada responden mendapati bahawa ianya ada dinyatakan di dalam Perlembagaan dan perundangan negeri-negeri. Yang secara tidak langsung menjelaskan bahawa amalan *bermadhab* yang perlu diamalkan oleh masyarakat awam di Malaysia ialah berpandukan kepada perundangan yang terdapat di setiap negeri-negeri di Malaysia.

#### ***Ketidakseragaman Enakmen-Enakmen Pendbiran Agama Islam di Malaysia Menerima Pakai Prinsip Keterikatan Madhab Dalam Islam***

Setiap negeri mempunyai undang-undang tubuhnya yang tersendiri. Keseluruhan negeri-negeri di Malaysia melalui undang-undang tubuhnya, memperuntukkan berkaitan dengan agama rasmi bagi negeri-negeri terbabit. Berdasarkan kepada Undang-undang Tubuh Negeri-negeri, didapati berlakunya perbezaan penggunaan terma yang merujuk kepada agama Islam oleh negeri. Negeri Perlis menetapkan agama rasminya sebagai *Ahli Sunnah Wal Jama'ah*. Negeri Kedah pula menetapkan agama rasminya sebagai Agama Islam *Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Negeri-negeri lain menetapkan Agama Islam sebagai agama rasmi. Hanya negeri Sarawak sahaja merupakan satu-satunya negeri yang tidak menetapkan agama rasmi bagi negeri tersebut.

#### ***Keterbukaan Dalam Pemakaian Pandangan Madhab Ahli al Sunnah Wa Al Jamaah Keutamaan Kepada Madhab Syafie Dalam Undang-Undang Malaysia***

Hasil analisa yang dijalankan ke atas Undang-Undang Tubuh Negeri mendapati kedudukan keterikatan kepada *madhab* tidak dinyatakan dengan jelas. Daripada 13 buah negeri yang terdapat di Malaysia, 11 buah negeri hanya menyatakan bahawa Islam adalah agama rasmi bagi negeri dan agama lain boleh diamalkan dengan bebas tanpa menjelaskan secara lebih lanjut mengenai *madhab* yang perlu dipegang oleh rakyat bagi negeri-negeri tersebut. Manakala 2 buah lagi negeri iaitu Kedah dan Perlis memasukkan frasa “Islam mengikut *Ahli Sunnah Wa al-Jamaah*” di dalam Undang-Undang Tubuh mereka. Frasa mengikut *Ahli Sunnah Wa al-Jamaah* membawa maksud bahawa *madhab* empat yang muktabar iaitu Syafie, Hanafi, Maliki dan Hanbali. Ianya secara tidak langsung menunjukkan bahawa tidak dinyatakan secara jelas dan spesifik mengenai amalan *bermadhab* di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri bagi kebanyakkannya negeri.

Namun begitu, hasil analisa ke atas semua Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri mendapati telah dinyatakan secara jelas mengenai amalan *bermadhab* yang boleh diamalkan di Malaysia. Ini dibuktikan melalui Akta yang termaktub dalam aspek rujukan yang harus diikuti oleh para mufti dalam mengeluarkan *fatwa*. Sebanyak 13 negeri daripada 14 negeri keseluruhannya menyatakan bahawa rujukan utama bagi para *mufti* dalam mengeluarkan *fatwa* adalah pada lazimnya dengan mengikut pandangan-pandangan yang diterima (*qaul muktamad*) *madhab* Syafie. Hanya negeri Perlis saja yang tidak menyatakan secara jelas mengenai rujukan kepada pandangan *madhab* yang mana harus diikuti. Sebaliknya, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis hanya menyatakan bahawa Jawatankuasa *Fatwa* hendaklah

mengikut al-Quran atau Sunnah Rasullah S.A.W. Tanpa menghuraikan dengan lebih spesifik tentang pandangan mana yang perlu diutamakan.

Pun begitu, turut dinyatakan di dalam Akta yang sama dalam setiap Enakmen Negeri-Negeri mengenai pandangan lain yang boleh diikuti dalam mengeluarkan fatwa. Sebanyak 13 negeri daripada 14 negeri keseluruhannya menyatakan secara jelas memberi kebenaran bagi *mufti* atau jawatankuasa *fatwa* bagi merujuk kepada pandangan 3 *madhab muktabar* yang lain itu *madhab* Hanafi, Maliki, dan Hanbali. Itu pun hanya sekiranya didapati oleh mereka bahawa dengan mengikut *qaul muktamad madhab Syafie* suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil. Manakala negeri Perlis tidak menyatakan perkara seperti berikut sebaliknya hanya menyatakan bahawa dalam mengeluarkan sesuatu *fatwa* di bawah Bahagian ini, Majlis dan Jawatankuasa *Fatwa* hendaklah mengambil ingatan terhadap Adat Istiadat Melayu atau Undang-undang Adat Istiadat Melayu yang terpakai dalam Negeri Perlis. Selain itu, turut dinyatakan secara jelas di dalam Enakmen Negeri bagi 12 buah negeri kecuali Kelantan dan Perlis bahawa seseorang *mufti* atau jawatankuasa *fatwa* diberi kebenaran untuk membuat *fatwa* mengikut ijтиhad tanpa melihat kepada mana-mana *madhab* sekiranya didapati tiada satu pun *qaul muktamad* daripada empat *madhab* itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam. Ini menunjukkan wujudnya ruang keterbukaan bagi menerima pakai pandangan selain dari *madhab* Syafie dan *madhab muktabar* yang lain demi menjaga kepentingan awam.

Secara tidak langsung, perkara ini telah menunjukkan kecenderungan keterikatan kepada *madhab* Syafie yang jelas di Malaysia. Di mana para *mufti* kendaklah mendahuluikan pandangan daripada *madhab* Syafie berbanding *madhab muktabar* yang lain. Hanya negeri Perlis sahaja yang tidak menyatakan secara jelas mengenai rujukan *madhab* dalam mengeluarkan *fatwa*. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa wujud kecenderungan keterikatan kepada *madhab* Syafie secara jelas dalam perundangan negeri-negeri tanpa menutup ruang ke arah keterbukaan dalam menerima pandangan *madhab* yang lain dalam memastikan kepentingan awam terjaga. Disebabkan kuasa agama terletak di bawah kuasa negeri maka undang-undang tersebut adalah terpakai ke atas masyarakat Muslim yang tinggal di dalam negeri-negeri tersebut.

## Kesimpulan

Amalan keterikatan *madhab* di Malaysia dalam perlaksanaan undang-undang Islam di Malaysia secara atas kertasnya boleh disimpulkan sebagai cenderung untuk terikat kepada *madhab* Syafie melalui beberapa peruntukan undang-undang di peringkat negeri-negeri serta di peringkat perlaksanaannya. Namun ruang keterbukaan untuk menerima pakai pandangan selainnya juga diperuntukkan secara teratur dan terkawal di dalam peruntukan undang-undang demi menjaga kemaslahatan orang awam. Dalam beberapa keadaan, perlu wujud kelembutan dalam menerima pandangan daripada pihak berautoriti yang kemungkinannya berbeza kerana perbezaan kuasa dan kuasa yang diberikan dalam sesuatu permasalahan. Asalkan ianya masih dalam ruang lingkup yang dibenarkan dalam perundangan bagi mengelakkan daripada menjadi masalah yang lebih besar. Oleh itu, sudah tiba masanya bagi kita dalam menekuni kepatuhan kepada mazhab Syafie, untuk melihat ke arah menyelesaikan kemaslahatan dan melihat kepada realiti semasa tanpa membelakangkan pegangan di dalam *madhab* Syafie.

## Penghargaan

Kumpulan penyelidik ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atas pemberian geran penyelidikan **Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)**

bagi kajian kami bertajuk “Keterikatan *Mazhab* Dalam Pelaksanaan Undang-Undang di Malaysia: Pembentukan Satu Model Undang-Undang”.

## Rujukan

- Abdul Aziz Bari & Farid Sufian Shuaib. (2007). Constitution of Malaysia – Text and Commentary (2nd Edition, 4th Print).
- Abdullah Abu Bakar. (1998). Kedudukan Mazhab Dalam Fatwa dalam Mufti dan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN, Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdullah Ishak. (1992). Islam di Nusantara. Kuala Lumpur: BAHEIS, JPM, cet. 2.
- AJ Harding. (1991). “Islam and Public Law in Malaysia: Some reflections in aftermath of Susie Teoh; s case [1991] 1 M.L.J. xci.
- Anwarul Yakin (2007). Legal research and writing. Kuala Lumpur: LexisNexis.
- Arieff Salleh Rosman. (2012). Jauhi fanatik mazhab. Utusan Online. 26/3/2014.  
[http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara\\_Agama/20140326/ba\\_03/Jauhi-fanatik-mazhab#ixzz44e4nlxsr](http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20140326/ba_03/Jauhi-fanatik-mazhab#ixzz44e4nlxsr).
- Charles Chatterjee (2000). Method of research in law. London: Old Bailey Press.
- David M. Walker (1997). The Scottish legal system: An introduction to the study of Scots law. Edinburgh: Sweet & Maxwell.
- Farid Sufian Shuaib. (2008), Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia (Petaling Jaya: LexisNexis Malaysia Sdn. Bhd.
- Hamid Jusoh. (1990). Pemakaian Undang-undang Islam kini dan masa depannya di Malaysia. Al-Ahkam, Jilid 1, cetakan pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Yeop A. Sani. (1980). Our Constitution. Kuala Lumpur: The law Publishers (M) Sdn. Bhd.
- Legal Research Board. (1998). Constitutions of States of Malaysia. Kuala Lumpur: International Law Book Services. Luca, from [http://www.researchgate.net/post/How\\_many\\_interviews\\_are\\_needed\\_in\\_a\\_qualitative\\_research\\_Is\\_there\\_any\\_rule\\_popular\\_practice](http://www.researchgate.net/post/How_many_interviews_are_needed_in_a_qualitative_research_Is_there_any_rule_popular_practice) (akses 4 September 5, 2015).
- Mahmud Saedon A. Othman (1998). Institusi Pentadbiran Undang-undang & Kehakiman Islam (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- Mohd Zakhiri, Hairudin Megat Latif, Mohamad Azam (2018), Discretionary Action of Mufti and Qadi in Issuing Fatwa (Edict) and Hukm (Ruling) within Madhhab: Evidence from Malaysia, a paper presented at International Soft Science Conference 2018 (ISSC 2019), Kuching, Sarawak, Malaysia
- Mohamad abu Bakar. (2002). Islam dalam pembinaan tamsudun di Malaysia dalam Mohamad Taib Osman dan A. Aziz deraman (eds.) (2000). Tamadun Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Statut

- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993  
Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Enakmen 4 Tahun 2006)  
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (Enakmen 9)

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001  
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991  
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Sabah) 1992  
Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001  
Perlembagaan Negeri Sarawak  
Perlembagaan Persekutuan.  
Undang-undang Tubuh Kelantan  
Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor  
Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor, 1895.  
Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah 2008  
Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.  
Undang-undang Tubuh Melaka  
Undang-undang Tubuh Negeri Kedah  
Undang-undang Tubuh Negeri Pahang  
Undang-undang Tubuh Negeri Pulau Pinang  
Undang-undang Tubuh Negeri Sabah  
Undang-undang Tubuh Negeri Selangor  
Undang-undang Tubuh Negeri Sembilan  
Undang-undang Tubuh Negeri Terengganu  
Undang-undang Tubuh Perak  
Undang-undang Tubuh Perlis

#### Kes

Mamat Bin Daud & 2 Lagi lawan Government of Malaysia [1998] 1 MLJ 119  
Meor Atiqulrahman bin Ishak & Ors. lwn. Fatimah bte Sihi & Ors [2000] 5 MLJ 375  
Teoh Eng Huat lwn. Kadhi, Pasir Mas & Yg. Ln [1990] 2 MLJ 302.  
Che Omar bin Che Soh lwn. PP [1998] 2 MLJ 55.  
Saeda Binti Abu Bakar & Malek Bin Haji Mohamed Yusup v Haji Abdul Rahman Bin Haji Mohamed Yusup & Usman Bin Haji Mohamed Yusup  
Saravanan Thangathoray v Subshini Rajasingam & another Appeal [2007] 2 CLJ 451, Public Prosecutor v Wee Mee Industries Co. Sdn Bhd [1985] 1 LNS 83  
Shamala Sathyaseelan v Dr. Jeyaganesh C. Mogarajah [2004] 3 CLJ 516